



**YB TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN  
JELAJAH TVET PEMBINAAN**

**PADA  
21 SEPTEMBER 2019 (SABTU)**

**DI  
PUSAT KONVENTSYEN CIDB  
SARAWAK, KUCHING**

**Selamat Sejahtera, Salam  
Sayangi Malaysiaku,**

1. Hari ini cukup indah dan bermakna untuk kita semua kerana dapat bersama-sama berkumpul di dalam Dewan yang serba indah ini, bersempena Majlis Perasmian Jelajah TVET Pembinaan Edisi Sarawak dan Pelancaran TVET Pembinaan di Pusat Konvensyen CIDB Sarawak atau CCCS.

2. Syabas saya ucapkan kepada CIDB Malaysia kerana telah berjaya mengadakan program Jelajah TVET Pembinaan ini yang merupakan jelajah pertama bagi mempromosi program-program di bawah TVET Pembinaan. Sebagai anak kelahiran Sarawak, saya merasa berbangga dan terharu kerana kerajaan telah memilih Sarawak sebagai destinasi pertama jelajah bagi mempromosi bidang Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang

kini menjadi salah satu agenda penting pembangunan modal insan negara.

3. Saya amat mengalu-alukan inisiatif turun padang ini, yang jelas berniat murni untuk menarik minat para belia khususnya belia di luar bandar dan yang tercicir dalam bidang akademik untuk meneroka peluang perniagaan dan kerjaya dalam industri pembinaan. Dengan adanya program Jelajah TVET Pembinaan ini, diharap lebih

ramai lagi belia akan dapat didedahkan mengenai kepentingan TVET ini kepada kelangsungan guna tenaga mahir negara di masa hadapan.

**Senario Kepentingan TVET**  
**Kepada Negara**

Para hadirin sekalian,

4. Di negara-negara maju seperti Australia, Finland dan Norway, memiliki sijil kelayakan di dalam bidang TVET dilihat sebagai salah satu pencapaian

yang berprestij. Ini kerana, negara-negara tersebut mengiktiraf mereka yang lebih cekap menggunakan tangan dan tenaga sebagai setaraf dengan mereka yang memiliki kelayakan cemerlang di dalam bidang akademik.

5. Bidang kemahiran, terutamanya di dalam industri pembinaan di Malaysia, telah mula menunjukkan permintaan yang tinggi di dalam industri. Ia juga menawarkan pendapatan lumayan, setanding dengan

mereka yang mempunyai kelulusan ijazah.

## **Peranan CIDB Dalam Pembangunan Personel Binaan**

6. CIDB sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Kerja Raya, telah meletakkan kepentingan yang tinggi kepada pembangunan tenaga kerja mahir di dalam industri pembinaan. Malah, CIDB juga telah memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi setiap tahun bagi program

pembangunan personel binaan dan belia di Akademi Binaan Malaysia (ABM), berbanding dengan program lain.

7. Sejak tahun 2015, CIDB telah mengubah landskap latihan di ABM bagi memberi penumpuan kepada latihan di dalam bidang kemahiran yang berimpak tinggi. Bidang berimpak tinggi ini, merupakan bidang yang mempunyai permintaan tinggi di dalam industri, disamping, menawarkan pendapatan yang

lumayan. Saya kira pendekatan yang diambil CIDB tersebut, sudah pasti berpotensi menarik minat lebih ramai belia tempatan untuk menceburi kerjaya di dalam industri pembinaan. Lebih-lebih lagi dengan wujudnya TVET Pembinaan ini.

8. Sebelas jenis bidang kemahiran berimpak tinggi yang ditawarkan di ABM adalah:

- a. Scaffolding Erection
- b. Welding 3G & 6G
- c. Wireman (PW1, PW2, PW3 & PW4)
- d. Chargeman (A0, A1, B0, B1 & B4)
- e. Gas Pipe Fitting (Fitting/Insulation)
- f. Blasting & Painting
- g. Non Destructive Testing (NDT)
- h. Crane Operation
- i. Plant Operation
- j. Plumbing
- k. Air Conditioning and Mechanical Ventilation

9. Di Sarawak sahaja, lebih daripada 37 ribu belia dan personel binaan telah dilatih oleh ABM di dalam pelbagai tred pembinaan. Saya difahamkan, ABM Sarawak ini dikenali sebagai pusat latihan yang mempunyai pengkhususan kepakaran di dalam Latihan Pengendalian Jentera Berat (*Heavy Machinery Operations*) yang sangat tinggi permintaannya di dalam industri.

**10.** Oleh yang demikian, fasiliti latihan di ABM Sarawak ini juga cukup lengkap dengan pelbagai jentera berat yang sering digunakan di dalam industri pembinaan, seperti *Excavator*, *backhoe*, *wheeloader*, *forklift*, *mobile crane* dan *crawler crane*. Selain itu, terdapat 20 unit *software crane simulator* dan 5 unit *machine simulator* bagi membantu pelatih membiasakan diri dengan pengendalian jentera, sebelum mereka mengoperasi jentera yang sebenar.

## **CITP- Teras Strategik Produktiviti**

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

11. Pembangunan personel binaan ini, merupakan salah satu inisiatif penting di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) menerusi Teras Strategik Produktiviti. Ini, selaras dengan keperluan pembangunan negara yang telah dikenal pasti dalam RMK-11 di mana peningkatan kemahiran tenaga kerja adalah kritikal dalam memastikan negara dapat meningkatkan daya produktiviti.

12. CITP, telah meletakkan sasaran untuk meningkatkan kadar produktiviti industri pembinaan sebanyak lebih daripada dua kali ganda daripada **RM22,464.00** perkapita bagi pekerja binaan pada **tahun 2011**. Mengikut Laporan Produktiviti Malaysia yang dikeluarkan oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC), pada **tahun 2018** industri pembinaan telahpun mencapai kadar produktiviti sebanyak **3.4%** iaitu hampir **RM44 ribu perkapita pekerja**.

Ini adalah satu pencapaian yang memberangsangkan dan saya percaya dengan kerjasama semua pihak, kita pasti akan dapat mencapai kadar produktiviti yang disasarkan di dalam CITP.

Para hadirin sekalian,

- 13.** Di dalam usaha mengukuhkan dan mempertingkatkan lagi latihan kemahiran yang ditawarkan di ABM, CIDB telah mengadakan kerjasama dengan peneraju industri

pembinaan menerusi Program Perantisan atau *apprenticeship programme*. Program ini, bagi membolehkan pelatih-pelatih ABM yang telah tamat latihan menyertai syarikat-syarikat pembinaan terpilih untuk mendapat pengalaman bekerja di dalam industri secara *hands-on training*. Ini akan meningkatkan kemahiran serta keyakinan diri pelatih sebagai persiapan menceburi kerjaya sebenar di dalam industri pembinaan.

**14.** Saya berharap, program Jelajah TVET Pembinaan yang dilaksanakan oleh CIDB bermula tahun ini, akan terus dipertingkatkan lagi bagi membuka peluang lebih besar kepada para belia di seluruh negara khususnya di Sarawak untuk terus aktif menyumbang inovasi dan kemahiran di dalam industri pembinaan.

15. Sekali lagi syabas kepada CIDB kerana berjaya menganjurkan program ini yang penuh dengan pelbagai aktiviti menarik. Walaupun kita kini berdepan dengan kondisi cuaca yang kurang memberangsangkan, perjuangan untuk terus membangunkan ekonomi negara dan belia tempatan dalam industri pembinaan tetap diteruskan. Semoga jelajah TVET Pembinaan ini dapat menawan hati ramai pihak terutama belia di Kuching Sarawak ini.

UCAPAN MENTERI KERJA RAYA – PERASMIAN JELAJAH TVET  
PEMBINAAN

**16.** Dengan ini, dengan lafaz penuh takzim saya merasmikan Jelajah TVET Pembinaan yang bermula di Negeri Sarawak.

**Sekian, terima kasih.**